

# **LAMPIRAN B**

## **PROGRAM PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL**

### **(PEGAWAI PERUBATAN / PEGAWAI FARMASI)**

## **SESI 2026/2027**

**A. TAWARAN CUTI BELAJAR BAGI BIDANG PENGKHUSUSAN SKIM PEGAWAI PERUBATAN & PEGAWAI FARMASI SESI 2026/2027**

1. Latihan bidang pengkhususan merujuk kepada latihan yang menjurus kepada penganugerahan kelayakan akademik bagi bidang-bidang tertentu yang diperlukan oleh perkhidmatan selain dari bidang-bidang yang diiktiraf sebagai bidang kepakaran asas oleh Majlis Perubatan Malaysia. Bidang-bidang yang disenaraikan terdiri dari **bidang bukan klinikal atau separa klinikal** yang berkaitan dengan bidang kesihatan. Latihan bidang pengkhususan ini adalah sama ada di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah atau lain-lain yang setara. Latihan dijalankan sama ada di dalam negara atau di luar negara.
2. Tawaran A ini hanya terbuka untuk **Pegawai Perubatan (bukan pakar) dan Pegawai Farmasi yang bertugas di bawah Program P&ST sahaja**. Pakar Perubatan yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran perlu memohon melalui Program Subkepakaran (Tawaran C) dalam bidang yang ditawarkan mengikut tempoh penawaran iklan.
3. Syarat-syarat khusus mengikut bidang adalah seperti berikut:
  - 3.1. Telah berkhidmat selama **lima (5) tahun** termasuk sekurang-kurangnya 18 bulan pengalaman dalam bidang yang berkaitan. Pegawai perlu memastikan sejarah perkhidmatan diisikan dengan lengkap di bahagian tempat bertugas semasa permohonan di **sistem eHLP dan pautan Google Form di bawah** (nyatakan tarikh serta tempoh di setiap penempatan).
  - 3.2. Bersetuju dengan penempatan yang ditetapkan oleh Ketua Program setelah tamat kursus kelak.
4. Permohonan di luar iklan adalah tidak dibenarkan bagi memastikan semua pemohon melalui proses saringan yang sama termasuk temu duga untuk menilai kesesuaian pegawai mengikuti latihan bidang yang dipohon.

**B. SENARAI KETUA JABATAN PROGRAM PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL – PEGAWAI PERUBATAN & PEGAWAI FARMASI**

TEMPAT BERTUGAS	KETUA JABATAN
HOSPITAL	PENGARAH INSTITUT PENYELIDIKAN KLINIKAL (ICR)
INSTITUSI	PENGARAH INSTITUSI
IBU PEJABAT KKM	PENGARAH BAHAGIAN

**C. DOKUMEN TAMBAHAN PROGRAM PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL – PEGAWAI PERUBATAN & PEGAWAI FARMASI**

Mengisi maklumat yang diperlukan dan memuat naik dokumen tambahan di bawah secara dalam talian **sebelum tarikh tutup permohonan** di pautan berikut:

<https://rb.gy/mexqau>

**1. A. Bagi permohonan Sarjana dengan Mod Kerja Kursus (*Coursework*)/ *Mixed-Mode*, sertakan:**

- i. Kertas Cadangan Penyelidikan (*Proposal Paper*)/ disertasi pengajian yang lengkap (**panduan menulis seperti di Lampiran C di sistem eHLP**); dan
- ii. Rangka kursus.

**B. Bagi permohonan Sarjana dengan Mod Penyelidikan, sertakan:**

- i. Kertas Cadangan Penyelidikan (*Proposal Paper*)/ disertasi pengajian yang lengkap (**panduan menulis seperti di Lampiran C di sistem eHLP**).

**C. Bagi permohonan Ph.D/ Doktor Kesihatan Awam, sertakan:**

- i. Kertas Cadangan Penyelidikan (*Proposal Paper*)/ disertasi pengajian yang lengkap (**panduan menulis seperti di Lampiran C di sistem eHLP**); dan
- ii. Cadangan Penyelia dan Tajuk Penyelidikan (**seperti di Lampiran F di sistem eHLP**).

**2. Pelan Tindakan Selepas Tamat Pengajian (PTSTP) – Justifikasi Ketua Jabatan berkaitan keperluan di penempatan sekarang serta cadangan tugas tambahan dan penempatan selepas tamat pengajian (**seperti di Lampiran D di sistem eHLP**);**

**3. Surat Aku Janji Cuti Belajar yang telah ditandatangani (**seperti di Lampiran E di sistem eHLP**);**

**4. *Curriculum Vitae* (**seperti di Lampiran G di sistem eHLP**);**

**5. Salinan **Transkrip Penuh Akademik dan Sijil** berikut ;**

- i. **Ijazah Sarjana Muda - Permohonan peringkat Sarjana**
- ii. **Ijazah Sarjana - Permohonan peringkat Ph.D**

**6. Surat Tawaran Universiti (sekiranya ada);**

**7. Surat tawaran Biasiswa/ Tajaan Luar (selain HLP) (sekiranya ada).**

## **PERINGATAN**

- ❖ TUAN/ PUAN PERLU SCAN DOKUMEN TAMBAHAN YANG BERKAITAN DALAM BENTUK PDF UNTUK DIMUAT NAIK KE PAUTAN GOOGLE FORM YANG DINYATAKAN DI ATAS.
- ❖ PASTIKAN SEMUA DOKUMEN TAMBAHAN ADALAH LENGKAP DAN DIMUAT NAIK BAGI MENGELOAKKAN PERMOHONAN DITOLAK.
- ❖ TARIKH AKHIR BAGI PENGHANTARAN DOKUMEN TAMBAHAN ADALAH PADA **12 NOVEMBER 2025.**

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**LAMPIRAN B**

**SENARAI BIDANG KURSUS YANG DITAWARKAN UNTUK MENGIKUTI CUTI BELAJAR  
DI PERINGKAT SARJANA & PH.D SESI 2026/2027**

**PEGAWAI PERUBATAN & PEGAWAI FARMASI YANG BERTUGAS DI BAWAH P&ST  
(NIH, CRC, BHG. PERANCANGAN)**

BIL	KAEDAH	BIDANG	KELAYAKAN	PERINGKAT	UNIVERSITI / INSTITUSI	LOKASI
1	CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Health Economics/ Health Financing/ Case-Mix	Master of Health Economics/ Master of Health Financing/ Case-mix	Sarjana	Diiktiraf	Luar Negara
2	CBBP Dengan HLP / CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Health Policy/ Health Planning	Master of Health Policy/ Master of Health Planning	Sarjana	Diiktiraf	Dalam Negara/ Luar Negara
3	CBBP Dengan HLP	Health Informatics/ Digital Health/ Health Data Science/ Big Data Analysis	Master of Health Informatics/ Master of Digital Health/ Master of Health Data Science/ Master in Data Science and Big Data	Sarjana	Diiktiraf	Dalam Negara
4	CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Health Informatics/ Digital Health/ Health Data Science/ Big Data Analysis	Master of Health Informatics/ Master of Digital Health/ Master of Health Data Science/ Master in Data Science and Big Data	Sarjana	Diiktiraf	Dalam Negara/ Luar Negara
5	CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Health Technology Assessment/ Health Technology Assessment-Related	Master in Health Technology Assessment or Equivalent	Sarjana	Diiktiraf	Luar Negara
6	CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Penyelidikan Perubatan	Master in Medical Research/ Master in Science or Equivalent	Sarjana	Diiktiraf	Dalam Negara/ Luar Negara
7	CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Health Facility Planning	Master in Health Facility Planning	Sarjana	Diiktiraf	Luar Negara
8	CBBP Tanpa HLP/ CBTG Tanpa HLP	Health Technology Assessment/ Health Technology Assessment-Related	Ph.D in Health Technology Assessment or Equivalent	Ph.D	Diiktiraf	Luar Negara

**\*CBBP DENGAN HLP ADALAH UNTUK DALAM NEGARA SAHAJA**

**\*CBBP TANPA HLP ADALAH UNTUK DALAM NEGARA/ LUAR NEGARA**

**\*CBTG TANPA HLP ADALAH UNTUK DALAM NEGARA/ LUAR NEGARA**